



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
11 JULAI 2019 (KHAMIS)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Illegal unipole at Bulatan Berkeley to be dismantled
MUKA SURAT	4

Illegal unipole at Bulatan Berkeley to be dismantled

KLANG Public Works Department (JKR) will be removing a billboard next to Bulatan Berkeley in the next few weeks as it was built without the Works Ministry's approval.

Klang JKR engineer Syaharidanisman Mohd Johanis said the 30.5m unipole structure at the entrance into Taman Berkeley at Persiaran Rajawali was deemed an illegal structure as the company failed to get a permit.

"Our officers issued a 30-day notice to the firm on May 2 to dismantle the structure but until now, the unipole is still standing with an advertisement on its billboard.

"In the interest of safety, Klang JKR will remove the illegal structure using skylifts.

"It is easier to put up a billboard than to take it down.

"If it is located in a high-traffic area, it takes longer to remove it,"

said Syaharidanisman.

He said the cost incurred in taking down the structure would be borne by the outdoor advertising agency that built the structure.

Outdoor advertisements, such as billboards and unipoles, are issued licences based on its compliance to several guidelines such as location, type of visual and most importantly, public safety.

"Once we have taken down the billboard and if the same advertising agency applies for a licence, we will review their record before giving approval.

"Such companies must also get public liability insurance to ensure that they are covered in case the structure topples during a storm," he said.

Syaharidanisman added that Klang JKR had identified similar illegal structures along federal roads and would remove them.



The billboard erected without the Public Works Department's approval and an advertisement that has no council permit will be removed.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	AIR SELANGOR encourages employees to stay active, fit and healthy
MUKA SURAT	16



Air Selangor employees cheer on for fitness after their Zumba session at the launch of the keep-healthy-and-stay-fit programme held recently.

AIR SELANGOR ENCOURAGES EMPLOYEES TO STAY ACTIVE, FIT AND HEALTHY

The company spearheads initiative to help employees pay attention to their health and fitness

STAR
METRO
(16)

IN a move to encourage its employees to lead a healthy lifestyle, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) in collaboration with one of the world's top insurance companies, kicked-off the programme within the organisation.

The keep-healthy-and-stay-fit programme was launched by Air Selangor Chief Executive Officer, Suhaimi Kamaralzaman recently, in a fitness themed event held at Bangsar South.

The programme is aimed at helping employees live healthier, longer, better lives and at the same time rewarding employees for their efforts to stay healthy. The programme empowers employees with the knowledge, tools and motivation to achieve their health goals revolving around their main pillars which are all about knowing your health, improving your health and enjoying the rewards.

Moving beyond just promoting and inculcating a healthy lifestyle for employees, Air Selangor hopes that with this structured health awareness programme, the organisation can help boost engagement between



Suhaimi at the launch gambit of the keep-healthy-and-stay-fit programme.

management and employees, reduce the medical costs as well reward employees with benefits and discounts for taking sustainable steps, however small, to improve their health and wellbeing.

A total of 400 employees participated in the launch of the programme and

more activities have been planned to cascade the message to its 4,500 employees. At the event, Suhaimi also presented 224 FitBit watches to Air Selangor employees who had never taken medical leave throughout 2018 as a token of appreciation.

Participants at the programme were also briefed about how the programme works as well as the rewards that come with it, as it has collaborated with 12 partners to offer members discounts and rewards for gym membership, wearable fitness devices, fitness apparel, healthy food, health screenings and fitness assessments, hotels, airlines and movies.

In addition to that, those who engage in the programme will get between 15% and 50% through its partners, namely AirAsia, Berjaya Hotels and Resorts, BP Healthcare, Fitbit, Fitness First, Garmin, Guardian, Marriott, Mediklinn, Reebok and Mongoose Publishing's Men's Health and Women's Health magazines.

This programme is also integrated with a variety of mobile applications and wearable fitness devices, making it easy for the members to track their goals and record their activities to earn points.

Those present at the launch also took part in a Zumba session led by a professional trainer to start their fitness regime rolling.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	Bringing the riverside to life
MUKA SURAT	8

Bringing the riverside to life

Programme to spruce up Sungai Langat draws local communities, govt trainees

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

TRAINEES under the 62nd series of the government's Advanced Leadership and Management programme joined hands with the Kajang Municipal Council (MPK) to clean up the Sungai Langat riverside in Kampung Sri Jambu and Taman Muhibbah.

The programme's chief executive officer Zamani Mansor, who is also the state deputy secretary, said a total of 57 senior government servants from various agencies were involved in Kajang Local Agenda 21 Rivers For Life programme.

"As part of the training module, trainees are required to conduct a corporate social responsibility programme directly with the community," he said.

"Since the issue of river pollution was on the rise, we decided to work on something related to the river."

"The riverside of Sungai Langat, which runs through the two neighbourhoods in Kajang, is a recreational area but has been neglected for a very long time."

"The area, which is suitable for picnicking and recreational activities, had untrimmed bushes and thick undergrowth, causing families to avoid it. So, we want to make this place come alive again."

"We got the trees, bushes and grass trimmed, among others," said Zamani.

MPK president Datuk Rosli Othman said the objective was to nurture shared responsibility and love for the environment.

"We also want to build a closer relationship between the government, private sector and people."

"I am happy to see the turnout today. Such programmes are important to educate and nurture the people to take care of the environment," he said.

Kampung Sri Jambu Residents Representative Council chairman Mohd Khalid Mohd Noor said the riverside was unkempt and very dark at night, which attracted drug addicts.

"Families avoid this area but it is perfect for the breeding of social ills. So, the residents are happy with this initiative. The trimming of trees, grass and bushes have

made the area much brighter.

"It would be better if railings and lights were installed along the riverside, as well as a jogging track and exercise machines, to attract families and encourage recreational activities," he said.

About 60 people from the nearby communities turned up for the gotong-royong session. Activities carried out included tree planting, grass cutting and throwing of mud



(From left) MPK deputy president Najmuddin Jemain, Norzulaila Wong, Zamani and Rosli planting trees at the Kajang Local Agenda 21 Rivers For Life programme at the Sungai Langat riverside in Kampung Sri Jambu and Taman Muhibbah.

balls to clean the river.

Also present were MPK councillor Norzulaila Abdul Ghani and Balakong assemblyman Wong Siew Ki.

There was also a free basic health screening and exhibitions on dengue, drugs and rivers. Meanwhile, children were kept busy with colouring activities and some participants cooked serawa durian to be served after the session.



Children were kept busy with colouring activities.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Selangor guna papan tanda jalan bahasa Melayu patut dicontohi
MUKA SURAT	78

Selangor guna papan tanda jalan bahasa Melayu patut dicontohi

Langkah kerajaan Selangor menggunakan bahasa Melayu di semua papan tanda jalan di negeri itu dipuji dan disanjung tinggi. Ia amat sesuai kerana bertepatan dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967.

Janganlah kerana keghairahan sesetengah daripada kita pantas membelakangkan peraturan dan menutup sebelah mata mengenai apa yang kita persetujui bersama tatkala membentuk Persekutuan Tanah Melayu lebih enam dekad yang lalu.

Tidak ada cacat celanya dengan peraturan berkenaan kerana selepas lebih 60 tahun, kita masih boleh hidup dengan aman dan sejahtera. Kita semua harus sedar dan menerima hakikat antara kita saling memerlukan.

Tidak semua boleh mengaku kita sempurna berbanding dengan orang lain. Kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan wajar dipertahankan. Ini wasiat Raja-raja Melayu.

Biar semua orang boleh baca kalau menggunakan bahasa berkenaan kerana bahasa Melayu antara yang paling mudah dipelajari.

Tahniah Selangor. Saya harap negeri lain wajar mencontohi ketegasan kerajaan negeri Selangor ini. Jangan seperti kata pepatah ‘bagai nak cari tulang dalam telur’.

Abdullah Abdul Rahman
Bandar Seri Jempol,
Negeri Sembilan



Kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan wajar dipertahankan.

(Foto hiasan)



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Cerai ekspres jika setuju pisah cara baik
MUKA SURAT	8

Cerai ekspres jika setuju pisah cara baik

Pasangan perlu lalui proses sulh, mediasi depan hakim terlebih dahulu

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin
mohdaizat@bh.com.my

Kuala Terengganu: Proses ‘perceraian ekspres’ hanya berlaku sekiranya kedua-dua pihak iaitu suami dan isteri sama-sama bersetuju untuk membubarkan perkahwinan dengan cara baik.

Bagaimanapun, Ketua Hakim Syarie Terengganu, Wan Mohd Zakri Wan Mohd, berkata pasangan yang ingin bercerai perlu melalui proses sulh dan mediasi terlebih dulu sebelum dibawa ke hadapan hakim syarie.

“Kaunter ekspres ini adalah kes yang mana kedua-dua pihak

sama-sama bersetuju untuk bercerai. Bagi kes yang salah satu pihak tidak setuju, tidak boleh melalui kaunter segera ini sebaliknya mesti melalui proses perbicaraan terlebih dulu.

“Semua kes perceraian juga perlu melalui proses sulh dan mediasi terlebih dulu untuk menyelesaikan soal nafkah anak, hadanah dan nafkah isteri sebelum dibawa ke hadapan hakim,” katanya ketika dihubungi BH.

Pelaksanaan mediasi bagi kes perceraian adalah antara mekanisme dan kaedah yang dilaksanakan mahkamah syariah Terengganu untuk membolehkan kes dibicara dengan lebih cepat.

“Pada saya juga, semakan terhadap undang-undang keluarga yang ada wajar juga dilakukan kerana enakmen yang ada sekarang diluluskan pada 2001 lagi dan mungkin ada penambahbaikan perlu dilakukan,” katanya.

Beliau mengulas laporan akhbar ini mengenai proses perce-



Semua kes cerai juga perlu lalui proses sulh dan mediasi untuk selesai soal nafkah anak, hadanah dan nafkah isteri sebelum dibawa ke hadapan hakim.

**Wan Mohd Zakri Wan Mohd,
Ketua Hakim Syarie Terengganu**

raian ekspres di Selangor yang hanya mengambil masa enam jam sehingga dikatakan menjadi punca negeri itu mencatat kes perceraian tertinggi di negara ini.

Katanya, pada tahun 2017, sebanyak 4,446 kes cerai dicatat manakala pada 2018 (4,404 kes) dan hingga April lalu sebanyak 1,641 kes dicatatkan.

Wan Mohd Zakri berkata, tindakan untuk mempercepatkan proses perceraian sepatutnya disokong untuk memastikan keadilan diberikan kepada kedua-dua pihak.

“Sebelum ini beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menuntut supaya kes cerai dipersempit sehingga ada yang mengancam mahkamah syariah kerana melambatkan kes perceraian.

“Malah ada persatuan wanita juga mendesak supaya mempercepatkan kes-kes cerai ini diputuskan mahkamah syariah,” katanya.



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Proses cerai 6 jam ikut hukum syarak: MAIS
MUKA SURAT	8

Proses cerai 6 jam ikut hukum syarak: MAIS

Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menegaskan proses perceraian yang hanya mengambil masa enam jam di negeri ini dibuat berlandaskan hukum syarak.

Pengerusinya, Datuk Mohammed Khusrin Munawi, berkata pihak berkaitan sudah mengambil kira kewajaran proses perceraian itu dipercepatkan.

"Keputusan (perceraian) dibuat berdasarkan hukum syarak dan ikut undang-undang. Dalam isu ini, Mahkamah Syariah dan Hakim Syarie mengikut SOP (prosedur operasi standard).

"Lainlah jika Hakim Syarie tidak ikut SOP, selagi ikut SOP, selagi berlandaskan hukum, ia tidak perlu dipertikaikan. Ini pandangan saya secara umum," katanya semalam.

Mohammed Khusrin berkata, semua pihak perlu mengambil kira kes perceraian yang tergantung begitu lama sehingga menafikan hak mangsa cerai, terutama wanita untuk mendapatkan keadilan serta kehidupan yang lebih baik.

Isu proses perceraian yang hanya mengambil masa enam jam di Selangor dibangkitkan dalam sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, kelmarin.

Ia dibangkitkan oleh Datuk Jalaludin Alias (BN-Jelebu) dalam sesi pertanyaan lisan, yang turut mendakwa proses perceraian ekspres di Selangor antara punca negeri itu mencatat kes perceraian tertinggi di negara ini.

Pada Jun 2015, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) mempermudahkan proses perceraian daripada 90 hari kepada enam jam bagi mengatasi isu kerenah birokrasi penyelesaian kes cerai di negeri ini.

Bagaimanapun, proses perceraian ekspres itu hanya untuk penyelesaian kes cerai dengan talak yang difaiklan secara perstujuan bersama mengikut Seksyen 47 Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (2008).



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Resort milik Jamal dilelong
MUKA SURAT	68

Resort milik Jamal dilelong

Shah Alam: Sekin Fishermen Village Hotel & Resort milik Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos akan dilelong pada harga RM4.5 juta.

Iklan mengenai lelongan terbabit dimuat naik semalam menerusi Facebook yang memaparkan lelongan harta di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Jamal berkata, resort terbabit akan dilelong pada 15 Julai ini.

“Saya akan menjualnya. Harga RM4.5 juta murah dan berbaloi untuk pelaburan jangka panjang.

“Jangan lepaskan peluang ini, perkataan lelong mungkin menggambarkan saya sedang tenat atau teruk, tapi saya melihat ia adalah platform terbaik kerana

ada ejen yang akan membantu urusan menjual resort ini,” katanya ketika dihubungi BH di sini, semalam.

Pada Disember 2016, resort yang mempunyai 100 bilik di Jalan Pantai Redang itu mencetuskan kontroversi apabila Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) bertindak menyita dan meruntuhkan beberapa struktur resort terbabit.

MDSB dalam notis perintah tutup menyatakan resort berkenaan disita dan diarahkan tutup kerana menjalankan aktiviti tanpa lesen sah mengikut UUK 3(1) Undang-undang Kecil Hotel (MDSB) 2013.

Sepanjang penutupan itu, resort berkenaan dilarang menjalankan perniagaan atau berope-

rasi sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa, memastikan notis atau piota sitaan tidak ditanggal, dibuang atau dirosakkan serta pemiliknya perlu mengemukakan permohonan dengan mematuhi syarat permohonan lesen.

Jamal kemudian memfailkan tuntutan saman terhadap Kerajaan Selangor serta dua pihak lain kerana menyita serta merobohkan struktur resort miliknya pada 2017.

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur bagaimanapun membatalkan tuntutan terbabit dan menyatakan tindakan MDSB meroboh serta menyita resort yang dibina di atas tanah kerajaan milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) itu sah.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Kaunter khas bukan jalan mudah selesaikan perceraian
MUKA SURAT	6

Kaunter khas bukan jalan mudah selesaikan perceraian

KUALA LUMPUR 10 Julai - Pewujudan proses kerja kes cerai secara kaunter khas atau *fast track* yang diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor bukan semata-mata untuk menyelesaikan kes cerai sewenang-wenangnya.

Sebaliknya jelas jabatan itu, sebelum suami isteri datang ke mahkamah untuk memfaikan kes cerai, pasangan pada kebiasaan mereka akan berjumpa dengan Pegawai Runding Cawangan di Unit Undang-Undang Keluarga, Pejabat Agama Islam Daerah bagi mencari jalan penyelesaian terhadap konflik rumah tangga yang dihadapi.

Pemfailan kes di Mahkamah

Syariah hanya dibuat setelah usaha melalui runding cara itu gagal menyelamatkan perkahwinan pasangan, jelas jabatan itu.

"Pewujudan proses kerja kes cerai secara *fast track* yang diperkenalkan pada 2015 bukan proses yang diwujudkan semata-mata untuk menyelesaikan kes cerai dengan sewenang-wenangnya tanpa perlunya melalui langkah-langkah yang sewajarnya bagi membendung kes perceraian di negeri Selangor.

"Pewujudan proses kerja kes cerai ini adalah bagi menyelesaikan rungutan dan aduan pelanggaran Mahkamah Syariah Selangor yang mendakwa ba-

hawa mahkamah mengambil masa yang terlalu lama untuk menyelesaikan kes-kes cerai di Selangor," menurut jabatan itu dalam kenyataan hari ini.

Kenyataan itu sebagai menjawab isu kaunter khas perceraian di Mahkamah Syariah Selangor yang dibangkitkan dalam persidangan Dewan Rakyat pada Selasa lalu.

Menurut jabatan itu lagi, pewujudan proses kerja itu adalah satu prosedur operasi standard (SOP) yang dibangunkan jabatan bagi mengurangkan kerentan birokrasi dalam pengendalian kes-kes cerai yang difailkan atas persetujuan bersama

suami dan isteri yang sebelum ini mengambil masa hingga 90 hari untuk diselesaikan.

Urusan kerja itu, ujarnya, perlu memenuhi syarat-syarat seperti dokumen telah lengkap, suami isteri hadir di mahkamah, wujud persetujuan antara suami isteri untuk bercerai secara baik dan harmoni, isteri dalam keadaan suci dan tidak berlaku persetubuhan dalam tempoh suci tersebut dan mahkamah berpuas hati bahawa telah berlaku pecah belah (*shiqaq*) dalam perkahwinan yang tidak dapat dipulihkan.

"Melalui proses kerja ini, kes pasangan suami isteri yang telah bersetuju untuk bercerai akan

diselesaikan dalam tempoh enam jam daripada masa pemfailan kes dan mereka akan menerima Perintah bertulis bermetarai mahkamah dalam tempoh masa tersebut untuk dikemukakan kepada Jabatan Agama Islam Selangor bagi tujuan pengeluaran Sijil Cerai," jelas jabatan tersebut.

Menurutnya, kesan inisiatif itu dilihat telah menggalakkan para suami bagi sesuatu perkahwinan yang telah pecah belah untuk menceraikan isteri mereka secara baik dan secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah wanita yang mendakwa diri mereka digantung tak bertali.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	Berjiran dengan longgokan sampah
MUKA SURAT	46,47

Bau busuk ancam penduduk Taman Selayang Makmur

Berjiran dengan longgokan sampah

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 10 JULAI

LONGGOKAN sampah yang berbau busuk dan longkang tersumbat di hadapan perumahan Taman Selayang Makmur mengundang keresahan penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Ia berikutan kira-kira 1,000 penduduk terpaksa menjalani kehidupan tidak selesa kerana kehadiran lalat, tikus serta nyamuk yang bukan sahaja merimaskan malah dibimbangi mengancam kesihatan.

Wakil penduduk, S.Santhirasekarn memberitahu, masalah berkenaan sudah berlanjut lebih tiga bulan yang lalu dan seolah-olah tidak ada jalan penyelesaian diambil pihak berwajib.

"Perkara ini berlarutan meskipun aduan telah dibuat dan lebih menyediakan apabila mereka menuding jari antara satu sama lain tanpa memikirkan penduduk setempat.

"Penduduk buntu bagaimana mahu menyelesaikan masalah



SEORANG penduduk menunjukkan keadaan longkang yang dipenuhi sampah berhampiran perumahan Taman Selayang Makmur, Selangor.

tersebut. Kami risau ia akan berlarutan sehingga menyebabkan keadaan semakin teruk," kata-nya dalam sidang akhbar di sini.

Menurut Santhirasekarn, masalah longgokan sampah di hadapan taman perumahan

itu berlaku selepas Majlis Perbandaran Selayang (MPS) tidak lagi menyediakan tong sampah di kawasan tersebut.

"Sebelum ini pihak berkuasa tempatan (PBT) itu ada menyediakan dua tong sampah besar di hadapan pintu masuk ta-

man yang turut digunakan oleh peniaga di Pasar Borong Selayang untuk membuang sampah di situ.

"Bagaimanapun, tidak diketahui dengan jelas kenapa tong sampah itu sudah tidak ada lagi tetapi orang ramai masih men-

jadikan tempat itu kawasan membuang sampah.

"Selain itu, diharapkan pembinaan tokong di hadapan perumahan dapat dihentikan kerana menjadi punca kepada masalah sampah dan mengganggu penduduk," katanya.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	MPS alih dua tong sampah
MUKA SURAT	47

MPS alih dua tong sampah

KUALA LUMPUR 10 Julai- Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah pun mengalihkan dua tong sampah di hadapan perumahan Taman Selayang Makmur ke rumah sampah yang berada di tapak letak kereta di kawasan tersebut.

Pengarah Jabatan Korporat Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Mohamad Zin Masoad berkata, tindakan itu dilakukan bagi memastikan pengurusan sisa pepejal dijalankan secara sistematik dan berpusat.

“Kami telah berbincang

MAKLUM BALAS

dengan pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) flat tersebut agar penduduk membuang sampah di tempat yang telah disediakan.

“Bagi memastikan rumah sampah berkenaan sentiasa dalam keadaan bersih, kutipan

secara berjadual akan dilakukan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tambah Mohamad Zin, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah bersetuju untuk memasang dinding hadang bagi menutup kawasan berdepan Selayang Makmur kerana ia berada di kawasan perempatan MPS dan pihak berkuasa tempatan itu.

“Selain itu, diharapkan masyarakat setempat berkerjasama dan tidak membuang sampah merata-rata,” katanya.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	MPS alih dua tong sampah
MUKA SURAT	47

Gotong-royong di 13 lokasi panas biak aedes di Subang Jaya

KUALA LUMPUR 10 Julai- Penduduk kawasan di sekitar Subang Jaya, Selangor dialu-alukan untuk menyertai gotong-royong besar-besaran di 13 lokasi 'hot spot' bagi memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes pada Ahad ini.

Timbalan Pengarah Korporat Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Azfarizal Abdul Rashid berkata, gotong-royong di bawah Program Mega Cari dan Musnah Aedes Negeri Selangor Peringkat MPSJ 2019 itu bertujuan untuk menangani peningkatan kes demam denggi di negeri Selangor.

Menurutnya, pelancaran program akan diadakan di tempat letak kenderaan, berhadapan Blok CC, Puchong Utama Court 2, Jalan Puchong Utama 7, Puchong, Selangor bermula dari pukul 7.30 pagi hingga 12

tengah hari.

"Gotong-royong ini akan diadakan serentak di 13 lokasi iaitu di Taman Bandar Bukit Puchong dan Flat Bandar Bukit Puchong, Balai Masyarakat Flat PJS 7/15, Gelanggang Bola Keranjang USJ 6/7 dan di depan

kedai serbaneka Speedmart Jalan SM 2 Taman Subang Mas.

"Turut diadakan di hadapan Restoran Belanga Jalan Indah 3/2 Puchong Indah, Balai Masyarakat Jalan Tempinis (Lorong 2-5), Kampung Tengah Puchong dan Apartment Starville USJ 19 serta depan Surau Jalan SR 1/1 Flat Serdang Raya Seksyen 1.

"Selain itu turut diadakan di kawasan Red Ruby Apartment Jalan Indah 2/6, Taman Uni-



AZFARIZAL

versiti Indah, padang hadapan Flat Jalan PBS 14/4 Taman Bukit Serdang Seksyen 14 dan Dewan Serbaguna Pangsapuri Damai Utama, dekat sini," katanya dalam satu kenyataan.

Ujarnya, program itu mendapat kerjasama Ahli Jawatan Kuasa Penduduk (JKP) Zon 15 MPSJ, Skuad Sukarelawan Program Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) Kementerian Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Petaling.

"Turut terlibat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) serta pelajar-pelajar sekolah bagi program Generasi Bestari (Smart Gen) MPSJ 2019," katanya.



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	6 Jam beri keadilan
MUKA SURAT	21

6 jam beri keadilan

■ Tempoh singkat bercerai di Selangor tangani kes cerai tergantung terlalu lama

Khairul Azran Hussin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menegaskan proses perceraian yang hanya mengambil masa enam jam di negeri ini dibuat berlandaskan hukum syarak.

Pengerusinya, Datuk Mohammed Khusrin Munawi berkata, semua pihak berkaitan sudah mengambil kira kewajaran proses perceraian itu dipercapkan.

"Keputusan (perceraian) dibuat berdasarkan hukum syarak dan ikut undang-undang. Dalam isu ini, Mahkamah Syariah dan hakim syarie mengikut SOP (prosedur operasi standard).

"Lainlah jika hakim syarie tidak ikut SOP, selagi ikut SOP, selagi berlandaskan hukum, ia tidak perlu diperbaiki. Ini pandangan saya secara umum," katanya.



“Semua pihak perlu mengambil kira kes perceraian yang tergantung begitu lama sehingga menafikan hak mangsa cerai terutama wanita untuk mendapatkan keadilan serta kehidupan yang lebih baik”

Mohammed Khusrin Munawi

Mohammed Khusrin berkata, semua pihak perlu mengambil kira kes perceraian yang tergantung begitu lama sehingga menafikan hak mangsa cerai terutama wanita untuk mendapatkan keadilan serta kehidupan yang lebih baik.

Isu proses perceraian yang hanya mengambil masa enam jam di Selangor dibangkitkan dalam sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, kelmarin.

Ia dibangkitkan oleh Datuk Jalaludin Alias (BN-Jelbu) dalam sesi pertanyaan lisan yang turut mendakwa proses perceraian ekspres di Selangor antara punca negeri itu mencatat kes perceraian tertinggi di negara ini.

Pada Jun 2015, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor mempermudahkan proses perceraian daripada 90 hari kepada enam jam bagi mengatasi isu kerentan birokrasi penyelcsian kes cerai di negeri ini.

20



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Amirudin nafi ada skandal dengan ADUN wanita
MUKA SURAT	6

Amirudin nafi ada skandal dengan ADUN wanita

KUALA SELANGOR - Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari menafikan tuduhan mengaitkan beliau bersama seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita negeri ini berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di sebuah hotel di Sandakan, Sabah pada 11 Mei lalu.

Amirudin berkata, beliau masih rasional dalam segala tindakan yang dilakukannya dan menegaskan kemungkinan ada pihak yang tidak berpuas hati disebabkan kenyataan media ini sebelum ini yang menyelar tindakan kotor serta 'politik

longkang.'

"Saya tidak tahu kenapa saya dikaitkan dengan rakaman tersebut tetapi Alhamdulilah, saya yakin tidak pernah melakukan sebarang tindakan di luar batasan."

"Dakwaan itu tidak menjasakan saya kerana saya tidak ada di lokasi seperti yang dinyatakan, sebaliknya berada di Kuala Lumpur ketika itu," katanya pada sidang akhbar selepas perasmian Kempen Sayangi Generasiku Pemadam Kuala Selangor di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Selangor di sini semalam.

Amirudin menegaskan, tuduhan itu tidak memberi kesan kepada

beliau secara individu tetapi beliau bimbang perkara tersebut memberi kesan kepada corak politik di Malaysia.

"Politik fitnah tak akan berjaya dan telah ditolak dalam tempoh 20 tahun berdasarkan pengalaman kita sejak reformasi dahulu," katanya.

Menurutnya, pihaknya sedang menyemak tuduhan itu kepada pihak peguam dan sekiranya serius, beliau tidak teragak-agak mengambil tindakan undang-undang.

"Saya nak lihat siapa yang terlibat dan kalau penyebarannya melampau, kita akan buat tindakan seterusnya," katanya.

Ditanya adakah tindakan itu dilakukan ahli partinya sendiri, Amirudin tidak pasti mengenai perkara tersebut.

"Saya khatir ia jadi budaya membunuh seseorang (pimpinan) yang tidak disukai dengan mencipta fitnah," katanya.

Semalam tular di Facebook mengaitkan Amirudin dengan seorang ADUN wanita negeri ini yang berada di hotel di Sandakan ketika pemerhatian CCTV dilakukan bagi mencari bukti kaitan video lucu mirip seorang menteri dan seorang individu yang mengaku terlibat dalam skandal berkenaan.



Amirudin menandatangani plak perasmian sempena Kempen Sayangi Generasiku Pemadam Kuala Selangor di SMK Kuala Selangor semalam.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Air Selangor galakkan warga kerja untuk kekal aktif, cergas dan sihat
MUKA SURAT	33

Air Selangor galakkan warga kerja untuk kekal aktif, cergas dan sihat



Warga kerja Air Selangor bersorak selepas selesai sesi Zumba mereka di majlis pelancaran program sihat dan cergas.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dengan kerjasama sebuah syarikat insurans terkemuka di dunia, telah memperkenalkan sebuah program kesihatan dalam usaha menggalakkan warga kerjanya menjalani gaya hidup lebih sihat.

Program kesihatan berkebajikan ini telah dilancarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Suhaimi Kamarulzaman dalam satu acara bertemakan kecergasan yang diadakan di Bangsar South baru-baru ini.

Program ini bertujuan membantu warga kerja menjalani kehidupan yang lebih sihat dan pada masa yang sama, memberi ganjaran kepada warga kerja di atas usaha mereka untuk kekal sihat. Program ini bukan sahaja mendedahkan warga kerja kepada ilmu dan asas kesihatan, malah turut memberi mereka motivasi bagi mencapai matlamat kesihatan diri mereka.

Mempunyai tiga segmen utama, program ini mengajar aspek-aspek kesihatan, mengetahui lebih lanjut berkenaan cara-cara meningkatkan tahap kesihatan serta berpeluang untuk memikmati ganjaran yang ditawarkan melalui aktiviti-aktiviti berunsurkan kesihatan dan kecergasan. Air Selangor berharap dengan program kesedaran kesihatan yang tersusun ini, ia bukan hanya

Air Selangor memperkenalkan inisiatif kesihatan berkebajikan untuk warga kerja

dapat mempromosi dan menanam kepentingan gaya hidup sihat di kalangan warga kerja, maklum membantu meningkatkan kerjasama berpasukan, mengurangkan kos perubatan jangka panjang serta memberi ganjaran kepada warga kerja melalui program-program kecergasan yang mereka lalu.

Seramai 400 warga kerja telah mengambil bahagian dalam pelancaran program ini. Banyak aktiviti berunsurkan kesihatan dan kecergasan telah dirancang bagi tujuan menyampaikan mesej tentang pentingnya gaya hidup sihat kepada lebih 4,500 warga kerja Air Selangor. Dalam majlis tersebut, Suhaimi juga menyampaikan 224 unit jam tangan FitBit kepada warga kerja Air Selangor yang tidak pernah mengambil cuti sakit sepanjang tahun 2018 sebagai tanda penghargaan.

Warga kerja yang menyertai program kesihatan dan kecergasan ini juga diberikan talkimat mengenai faedah-faedah serta ganjaran-ganjaran yang bakal diperolehi melalui penglibatan warga kerja di dalam menjayakan program ini. Antara ganjaran yang boleh dinikmati adalah tawaran diskau untuk keahlian

wayang dan lain-lain.

Di samping itu, mereka yang terlibat dalam program ini boleh juga menikmati potongan diskau sebanyak 15% hingga 50% yang turut ditawarkan oleh rakan-rakan kongsi seperti AirAsia, Berjaya Hotels and Resorts, BP Healthcare, Fitbit, Fitness First, Garmin, Guardian, Marriott, Mediklinn, Reebok dan Majalah Men's Health serta Women's Health.

Program ini juga disepuduk

dengan pelbagai aplikasi mudah alih dan alat kecergasan bolch pakai, sekaligus memudahkan para ahli untuk memantau serta merekodkan aktiviti mereka bagi tujuan untuk mendapatkan mata ganjaran. Mereka yang hadir pada pelancaran tersebut turut mengambil bahagian dalam sesi zumba yang diketuai oleh jurulatih profesional daripada salah sebuah pusat kecergasan yang terkemuka di negara ini.



Suhaimi melancarkan program sihat dan cergas.



KERATAN AKHBAR 11 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Stadium Sungai Besar jadi lokasi mat rempit lepas gian berlumba
MUKA SURAT	34

Stadium Sungai Besar jadi lokasi mat rempit lepas gian berlumba

SUNGAI BESAR - Kegiatan sekumpulan mat rempit melepaskan 'gian' merempit Stadium Sungai Besar di sini semalam berakhir dengan masing-masing ditahan polis.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sabak Bernam Deputi Superintendant Lim Chee Khoon berkata, daripada 59 motosikal yang diperiksa sebanyak 93 saman dikeluarkan atas pelbagai kesalahan.

"Sebanyak tujuh motosikal disita kerana melakukan pengubahauan yang tidak diluluskan.

"Seramai 73 individu diperiksa polis sepanjang operasi dijalankan dan kesemua mereka negatif dadah," katanya.

Beliau memberitahu, kumpulan mat rempit berusia 17 hingga 23 tahun itu bukan sahaja berlumba di kawasan membahayakan orang awam tetapi turut menimbulkan suasana bising dan mengganggu ketenteraman penduduk.

Chee Khoon berkata, polis membuat serbuan dan mengepung kawasan sekitar stadium bagi menahan mereka terlibat.

"Kita harap ibu bapa lebih



Pemeriksaan dilakukan polis dalam Ops Motosikal di Sungai Besar semalam.

tegas dan sentiasa memerhatikan pergerakan anak-anak khususnya remaja.

"Operasi seperti ini akan di-

teruskan bagi memastikan pengguna jalan raya sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan," katanya.